

03/01/1997

Terengganu serah pada Pusat

KERAJAAN Terengganu akan menerima sebarang keputusan Kerajaan Pusat mengenai struktur ekuiti dalam Perwaja Steel Sdn Bhd, di bawah penyusunan semula bagi memulihkan syarikat itu.

Menteri Besar, Tan Sri Wan Mokhtar Ahmad, berkata sehingga kini kerajaan negeri akan mengekalkan ekuiti 19 peratus dalam Perwaja Steel seiring 30 peratus ekuiti Kerajaan Pusat dan Maju Holdings 51 peratus.

Bercakap kepada pemberita di Kuala Terengganu, Wan Mokhtar berkata kerajaan negeri sudah diberitahu mengenai perkara berkenaan dan sehingga kini tidak bercadang untuk menambah ekuiti yang ada.

"Walaupun Kerajaan Terengganu hanya mempunyai 19 peratus, kita dibenarkan diwakili dua orang Ahli Lembaga Pengarah. Mereka diwakili oleh Pegawai Kewangan negeri, Datuk Senara Muda Mazlan Hashim dan Pengarah Unit Perancang Ekonomi negeri, Datuk Baharuddin Ismail," katanya.

Beliau mengulas mengenai kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang mengumumkan di Kuala Terengganu kelmarin bahawa kerajaan hanya akan memegang 49 peratus, manakala bakinya dikuasai oleh Maju Holdings sebagai pemegang saham utama dalam Perwaja.

Dr Mahathir berkata, kedudukan Kerajaan Terengganu yang kini memiliki 19 peratus saham dalam Perwaja tidak berubah.

Mengenai hutang berjumlah RM2.9 bilion yang akan ditanggung oleh kerajaan, Wan Mokhtar berkata langkah itu perlu kerana ia bagi membolehkan Maju Holdings menguruskan syarikat itu tanpa sebarang tanggungan yang boleh membebankan operasi.

Katanya, bagaimanapun beliau akan meminta maklumat lanjut mengenai perkara itu daripada dua ahli lembaga pengarah yang mewakili kerajaan negeri.

(END)